



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	29/12/2019	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	:	BMG / JMG		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Bauksit RM10 bilion tersadai



Md Sohaimi (tengah), Aifu sham (dua dari kiri) dan ADUN Tanjung Lumpur, Rosli Jabar (kiri) pada program berkenaan di Indera Mahkota semalam.

Dijangka beri pulangan RM10 juta kepada kerajaan Pahang

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

Bauksit bernilai RM10 bilion masih tersadai di Felda Bukit Goh dan kawasan sekitarnya termasuk Bukit Kuantan yang dijangka memberi pulangan RM10 juta kepada kerajaan Pahang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah berkata, jumlah tersebut diperoleh jika diusahakan dalam tem-

poh 10 tahun akan datang.

Bagaimanapun, kekangan moratorium dan beberapa prosedur lagi yang perlu diselesaikan menyebabkan aktiviti tersebut tidak dapat diteruskan.

"Saya berharap aktiviti perlombongan dapat dijalankan segera. Yang saya tahu, tempoh moratorium di kawasan Gebeng sudah habis tapi di Felda Bukit Goh dan Bukit Kuantan belum lagi.

"Apabila (perlombongan) tak dapat teruskan, tanah peneroka pun tak dapat diusahakan sebab ada peneroka yang dah melombong dulu dan tanah mereka terbiar begitu sahaja tak boleh tanam semula.

"Ada penduduk yang buat aduan mereka terikat dengan perjanjian bersama pelombong sehingga tanah mereka kena kaveat," katanya pada sidang media Maj-

lis Pelancaran Ejen SAM 8005, Produk Baharu Berasaskan Durian dan Kafe Dooyan oleh SAM Global Resources di Indera Mahkota di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif SAM Global Resources, Mohd Hisham Zamri dan 100 usahawan baharu yang mendaftar sebagai Ejen SAM 8005.

Dalam perkembangan lain, Md Sohaimi memuji inisiatif Mohd Hisham atau dikenali sebagai Sifu Sham yang berjaya melahirkan seramai 250 usahawan ais-krim dalam kalangan bumiputera menerusi program protege The Ice Cream Protege Programme (TICPP).

Program tersebut secara tidak langsung mengangkat produk Malaysia iaitu durian musang king terutama dari Pahang ke persada antarabangsa.